

Teladani Kesungguhan Ulama Silam Menuntut Ilmu

Oleh: Nur Insyirah Samrat

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 19 Julai 2021



Gambar hiasan

Para ulama terdahulu berusaha dan berpenat lelah dalam usaha mendapatkan ilmu. Mereka sentiasa mengutamakan ilmu dalam kehidupan untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Hasil-hasil karya ulama terdahulu banyak memberi bimbingan kepada generasi sekarang. Berkat daripada para ulama yang mempunyai akhlak yang tinggi serta mengorbankan diri mencari ilmu kerana Allah SWT, maka wujudlah karya-karya tersebut.

Tiada istilah kesenangan dalam kamus kehidupan seorang ulama yang sangat mencintai ilmu. Abu Zakaria Yahya bin Syaraf an-Nawawi, atau dikenali sebagai Imam Nawawi, yang merupakan ulama besar mazhab Syafie pernah berkongsi kisahnya.

“Pernah dua tahun aku tidak sesekali sandarkan belakangku ke atas tempat tidur, apabila aku berasa mengantuk ketika sedang menulis, aku akan letakkan kepalaku ke atas kitabku,” katanya.

Walaupun kepenatan, Imam Nawawi tetap terus menulis. Kadang-kadang, apabila sangat mengantuk, beliau berhenti sebentar dan bersyair sebelum menyambung kerjanya semula. Begitulah kesungguhan Imam Nawawi yang tidak mahu mengalah walaupun penat.

Selain Imam Nawawi terdapat juga ulama lain yang sanggup berpenat lelah kerana ilmu, iaitu Muhammad bin Thahir Al-Maqdisi, seorang ulama nahu yang suka mencari hadis-hadis dari serata dunia.

Malah, beliau pernah berjalan kaki pada satu malam sejauh 20 *farsakh* iaitu lebih kurang 96 kilometer semata-mata kerana ingin mendapatkan hadis.

Beliau juga pernah dua kali mengalami masalah kencing berdarah dalam usaha mencari hadis. Pertama kali, ketika menuju ke Baghdad dan kali kedua, ketika ke Mekah.

Puncanya beliau berjalan tanpa alas kaki di bawah sinaran terik matahari. Ketika memburu hadis, beliau tidak akan meminta-minta kerana baginya, sudah cukup apa yang diperolehi.

Begitulah sikap seorang tokoh ulama terdahulu yang tidak pernah mengeluh atau berputus asa dalam menuntut ilmu.

Selain kesungguhan dalam menuntut ilmu, para ulama sangat mengutamakan adab ketika berguru. Satu ketika, Abdullah bin Abbas atau dikenali sebagai Ibn Abbas yang juga sahabat dan sepupu Rasulullah SAW, segera datang ke rumah salah seorang sahabat baginda.

Beliau mengetahui ada hadis yang dimiliki oleh sahabat tersebut sedangkan ketika itu adalah waktu *qailullah* atau tidur sebentar pada waktu tengah hari.

Ketika berada di rumah sahabat Rasulullah SAW tersebut, Ibn Abbas tidak memberi salam segera kerana tidak ingin mengganggu. Oleh itu, beliau membentangkan selendangnya di hadapan pintu rumah sahabat tersebut, lalu menunggunya keluar.

Apabila ditanya oleh sahabat tersebut mengapa beliau tidak memintanya datang ke rumah, Ibn Abbas berkata, “Aku yang perlu datang kepadamu, kerana ilmu itu didatangi bukannya mendatangi.”

Sikap Ibn Abbas itu menunjukkan adab yang terpuji dalam diri seorang ulama yang memiliki ketinggian ilmu.

Adapun ulama paling terkenal, yang mazhabnya diguna pakai dalam hukum-hakam di Malaysia, iaitu Muhammad bin Idris al-Syafie atau dikenali sebagai Imam al-Syafie sangat mementingkan akhlak dan adab.

Ketika Imam Syafie memberi kuliah, datang seorang Arab Badwi yang berpakaian comot dan selekeh. Dengan serta-merta beliau memberhentikan kuliahnya, kemudian mendekati Arab Badwi tersebut lalu memeluknya.

Apabila ditanya oleh muridnya mengapa beliau melakukan hal yang demikian, lalu Imam Syafie memberitahu bahawa Arab Badwi tersebut merupakan seseorang yang pernah mengajarnya sesuatu. Demikian tingginya perasaan hormat Imam Syafie terhadap orang yang telah memberinya ilmu walaupun sedikit.

Menuntut ilmu dalam Islam memerlukan ketakwaan kepada Allah SWT, adab dan akhlak terpuji serta kesungguhan dan minat yang tinggi.

Selain itu, seorang penuntut ilmu perlu cekal dan tabah dalam menghadapi segala kepayahan dan kesusahan yang dihadapinya.

Imam al-Syafie pernah berkata, “Jika kamu tidak tahan dengan lelahnya belajar, maka kamu terpaksa bertahan dengan peritnya kebodohan.”

Maka, pedoman yang ditinggalkan beliau itu seharusnya dimanfaatkan dalam usaha kita mencari ilmu sebagai bekalan di dunia dan akhirat.

